

Jenis Akhbar

: Melaka Hari Ini

Tarikh

: 19/05/2023

Edisi / Muka Surat : [www.melakahariini.my](http://www.melakahariini.my)

Tajuk

: SKM, ANGKASA raikan rakan strategik dalam suasana Aidilfitri



EXCO Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Alex Seah Shoo Chin (tengah) bergambar bersama tetamu yang hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri anjuran bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Melaka dan Angkasa Negeri Melaka di Seri Cendana Ballroom dan Cafe Melaka, Ayer Keroh. Turut serta Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Melaka, Firdaus Shaari, Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Naib Pengerusi Eksekutif (Pengurusan) Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Azam Sulaiman, Pengerusi ANGKASA Negeri Melaka, Ab Rahim Md Tawel dan Anggota Lembaga ANGKASA, Datuk Kamarudin Ismail. Foto MR AZLI

## SKM, ANGKASA raikan rakan strategik dalam suasana Aidilfitri

AYER KEROH 19 Mei – Tibanya penghujung Syawal tidak bermakna suasana raya turut suram ini terbukti apabila masih ramai yang mengadakan sambutan rumah terbuka bagi meraikan kenalan serta rakan strategik.

Turut tidak melepaskan peluang mengadakan sambutan hari raya adalah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Melaka dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Melaka.

Meskipun berlangsung pada 27 Syawal, namun kemeriahannya itu masih tetap dirasai pada Majlis Sambutan Aidilfitri SKM dan ANGKASA Melaka, diadakan di Ayer Keroh, di sini, semalam.

Pengarah SKM Melaka Mohd Firdaus Shaari, sambutan yang diadakan pada setiap tahun itu bertujuan meraikan gerakan koperasi di Melaka dan juga dengan rakan strategik.

"Kali ini kira-kira 200 wakil gerakan koperasi hadir. Ia bertujuan untuk menghargai dan mengeratkan lagi hubungan selain merasakan kebersamaan antara SKM serta ANGKASA."

"Dalam kita meraikan Syawal, menjamu hidangan secara tidak langsung juga dapat mengeratkan hubungan sesama gerakan dan pihak kami juga," katanya.

Hadir memeriahkan sambutan Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Alex Seah Shoo Chin; Naib Pengerusi Eksekutif (Pengurusan) SKM Malaysia Azam Sulaiman dan Presiden ANGKASA Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah.